



MAJLIS PELANCARAN PERKHIDMATAN TRIAJ PDRM

OLEH

YDIAH TAN SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI OMAR
KETUA POLIS NEGARA



‘TRIAJ’ Bilik khas pengadu di balai polis

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 21 September 2011 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyediakan sebuah bilik khas di bahagian pertanyaan balai-balai polis untuk kegunaan pengadu yang ingin membuat laporan berkaitan kes-kes sensitif.

“Selain menjaga kerahsiaan pengadu, kemudahan bilik khas yang dikenali sebagai ‘Triaj’ itu diwujudkan bagi mengelak dari berlakunya suasana tidak terkawal di kaunter pertanyaan”.

“Kemudahan tersebut diberikan kepada orang ramai yang membuat aduan berkaitan kes-kes sensitif seperti jenayah seksual, keganasan rumahtangga, culik, ragut dan

kemalangan jalan raya”.

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara di majlis peramian Bilik Khas yang dikenali ‘Triaj’ bermaksud ‘tindakan mengikut kesesuaian’ dalam bahasa Perancis, di Balai Polis Travers, Kuala Lumpur.

Pengadu yang terdiri daripada kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan wanita hamil akan diberi keutamaan menggunakan bilik Triaj itu. Bilik tersebut berbeza dengan kaunter pertanyaan kerana ia adalah tempat menangani masalah pengadu yang menghadapi tekanan emosi atau pengalaman pahit dalam sesuatu kejadian.

“Kita akan menyediakan kakitangan awam dan pegawai penyiasat yang terlatih untuk menerima laporan dan membantu mangsa mengawal emosi

mereka ketika ditempatkan di bilik Triaj itu”, ujar Tan Sri Haji Ismail lagi.

Perkhidmatan Triaj merupakan satu daripada inisiatif yang disenaraikan di bawah projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PDRM.

Fasa pertama perkhidmatan Triaj telah dilaksanakan mulai tahun lalu dengan lima balai dipilih sebagai perintis projek tersebut iaitu Balai Polis Damansara, Balai Polis Seksyen 15, Shah Alam, Balai Polis Travers, Balai Polis Petaling dan Balai Polis Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Fasa kedua tahun ini, sejumlah 35 balai polis di Kontinjen Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur akan dibina bilik Triaj.

“Perkhidmatan Triaj akan diperluaskan ke negeri-negeri lain tetapi ia bergantung kepada peruntukan yang disediakan di mana perbelanjaan membina sebuah bilik sahaja memerlukan antara RM50,000 hingga RM60,000,” kata Tan Sri Haji Ismail.



Memperkasakan Pasukan Gerakan Marin PDRM

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Pulau Pinang, 12 Ogos 2011 - Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2009 telah memutuskan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) adalah sebagai agensi penguatkuasa tunggal di laut. Dengan keputusan itu, maka semua tugas penguatkuasaan di laut negara, yang selama ini dilaksanakan oleh Pasukan Gerakan Marin (PGM) akan diambil alih oleh Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM).

Sehubungan itu, PDRM telah menyusun dan menstrukturkan semula peranan, fungsi, tugas dan tanggungjawabnya supaya dapat mencapai objektif di dalam melaksanakan misi menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Susulan daripada keputusan perbincangan tersebut, PDRM menyerahkan 60 buah bot ronda kelas PX, PA dan PC bersama 570 perjawatan serta 7 buah pangkalan utama kepada APMM.

Pada tahun 2005, PDRM juga telah menyerahkan 15 buah kapal ronda kelas PZ bersama 510 perjawatan kepada APMM. Dengan demikian PDRM telah menyerahkan 75 buah bot ronda, 1,080 perjawatan dan 7 buah pangkalan kepada APMM.

Antara skop penugasan penguatkuasaan yang diberikan kepada PDRM adalah di kawasan perairan sungai, tasik dan pulau, maka satu bentuk penugasan yang lebih fokus kepada aspek keselamatan dalam negara dan ketenteraman awam, serta mencegah jenayah telah dijadikan teras penugasan baru PGM.

Antara yang hadir Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, Mantan Komander-Komander PGM, serta Pegawai dan Anggota Marin yang terlibat.



RAJA DR. NAZRIN SHAH BERBUKA PUASA DI PULAPOL KUALA LUMPUR

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 17 Ogos 2011 - Setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah kerana sudi berangkat mencemar duli ke Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga PDRM di Pulapol Kuala Lumpur.

"Patik sekalian juga menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keluhuran budi pekerti DYMM Tuanku yang sangat tinggi dan begitu dermawan dengan menanggung keseluruhan kos bagi mengadakan majlis berbuka puasa pada petang ini," ujar Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara dalam ucapan aluannya pada majlis yang diadakan di Dataran Kawad Pulapol Kuala Lumpur.

DYMM Tuanku Raja Dr. Nazrin turut berkenan menunaikan solat berjemaah Maghrib dan Terawih di Masjid Pulapol diselangi dengan santapan moreh bersama tetamu-tetamu jemputan dan warga Pulapol Kuala Lumpur.

Majlis berbuka pada hari ini diserikan dengan kehadiran Mantan-Mantan Ketua Polis Negara, Tun Mohamed Hanif Omar, Tan Sri Mohd Bakri Omar dan Tan Sri Norian Mai.



Turut hadir, Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara dan Jeneral (B) Tan Sri Dato' Seri Mohd Azumi Mohamad, Mantan Panglima Tentera Darat.



BAKTI hargai pengorbanan warga PDRM / ATM / APMM



Oleh : Kpl. Noorlidia Mamun

Kuala Lumpur, 3 Ogos 2011 - Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), menyediakan sebanyak 39,000 bungkusan makanan hari raya bernilai RM351,000 untuk diagihkan kepada pasukan keselamatan negara tahun ini.

Menurut Datin Sri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri yang juga Dipertua

BAKTI, bungkusan yang mengandungi rendang daging, sambal ikan bilis, kuah kacang dan nasi himpit itu akan diserahkan kepada pasukan keselamatan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2011 ini.

"Sebanyak 20,000 bungkusan diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), manakala 15,000 bungkusan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 4,000

bungkusan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)," kata Datin Sri Rosmah Mansor ketika berucap pada majlis Penyerahan Bungkusan Raya BAKTI di Bangunan Dr. Siti Hasmah, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.



PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA KENANG BAKTI WIRA

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Kuala Lumpur, 20 Ogos 2011 - Sambutan Majlis Jalinan Ramadan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia Bersama Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam telah berlangsung di Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, Kuala Lumpur.

Sumbangan bungkus Hari Raya oleh Pergerakan Wanita UMNO Malaysia menjadi satu budaya yang murni bagi memperingati jasa Pasukan Keselamatan yang berjaya meletakkan negara dalam keadaan yang aman dan tenteram.

Penghargaan dan terima kasih kepada Pergerakan Wanita UMNO, khususnya Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia merangkap Menteri Pembangunan Wanita Dan Masyarakat, kerana saban tahun sentiasa mengatur inisiatif murni dengan menghulurkan sumbangan bungkus hari raya untuk warga PDRM yang bertugas ketika musim perayaan.

Turut hadir Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara yang

hadir bersama isteri dan CP Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah bersama isteri.



Ulang Tahun Pertama Facebook PDRM

Oleh : L/ Kpl. Fansus Jangor

Cheras, 21 September 2011 - Ulang Tahun Pertama Facebook Rasmi PDRM telah berlangsung di Dewan Bankuet, Maktab PDRM Kuala Lumpur.

“ Dalam usaha meningkatkan imej pasukan dan meletakkan PDRM sebagai organisasi yang mesra pelanggan melalui alam siber, Twitter merupakan antara platform media sosial yang dapat digunakan bagi menyalurkan maklumat atau hebahan terus kepada masyarakat dengan cepat, tepat dan ringkas” ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Dalam pada itu, Twitter Rasmi PDRM ini akan menjadi medium untuk mengetengahkan berita semasa PDRM seperti kejayaan tangkapan, program bersama rakyat serta kenyataan



atau siaran media oleh pucuk pimpinan PDRM.

Turut hadir dalam majlis tersebut, Deputy Inspektor Jeneral, Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Malaysia, Pegawai-Pegawai Kanan PDRM dan tetamu-tetamu jemputan khas.



Jamuan Raya 1Malaysia Persatuan Penduduk Blok Melati

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor



Keramat Wangsa, 24 September 2011 - Persatuan Penduduk Keramat AU, MAPEMS, MP4, DBKL dan Persatuan Penduduk Blok Melati PDRM telah mengadakan Jamuan Raya 1Malaysia bertempat di Dewan Blok Melati, Jalan 29/56, Keramat Wangsa Kuala Lumpur.

Turut hadir pada majlis tersebut, Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara bersama isteri, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, Ahli Parlimen Setiawangsa bersama isteri, tetamu-tetamu jemputan serta warga Blok Melati.

Antara acara adalah pemberian sumbangan dan duit raya kepada 21 orang anak-anak yatim surau At-Taqwa, Hulu Langat yang menjadi mangsa tragedi tanah runtuh.

MOU DI ANTARA PDRM KONTINJEN SELANGOR & JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Oleh : Insp. Abu Hassan Zakaria



Selangor, 23 Julai 2011 – Satu Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (MoU) di antara PDRM Kontinjen Selangor dan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah berlangsung di Gold Coast Morib. Majlis dihadiri oleh Dato' A. Thaiveegan, Timbalan Ketua Polis Selangor bersama Ketua-Ketua Polis Daerah Selangor manakala pihak JPNIN Selangor pula dihadiri oleh Hoo Kwek Hwa, Timbalan Ketua Pengarah JPNIN, Haji Abdul Halim Omar, Timbalan Ketua Pengarah JPNIN Negeri Selangor serta Pegawai Perpaduan Daerah Daerah seluruh Selangor. MoU ini adalah bagi menjalin kerjasama di antara PDRM / JPNIN dalam aspek keselamatan komuniti melalui penglibatan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) melalui:

- **Perkongsian Maklumat**

JPNIN akan bekerjasama menyalurkan maklumat kepada PDRM mengenai apa jua maklumat berkaitan dengan aspek keselamatan dan ketenteraman awam yang melibatkan isu perkauman dan kejadian jenayah dari semasa ke semasa. Memberi nasihat kepada Rukun Tetangga dan anggota peronda SRS di dalam menjalankan kewajipan berlandaskan kepada undang-undang.

- **Kerjasama Strategik**

JPNIN dan PDRM bersetuju menjalin hubungan kerjasama diantara pegawai PDRM, Pegawai Perpaduan, Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela bagi menentukan SRS berjalan mengikut perancangan. PDRM akan melakukan tapisan keselamatan mengikut keperluan.

- **Rakan Cop**

JPNIN akan bekerjasama dengan PDRM dengan menggalakkan penglibatan penduduk setempat menjadi ahli Rakan Cop.

Penutup Konvoi 'Kembara Motosikal 1 Malaysia'

Oleh: L/Kpl. Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 22 September 2011 - Gandingan erat Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, berkonsepkan gagasan 'National Blue Ocean Strategy' telah membentuk paduan tenaga yang jitu sekarang.

Seramai 350 orang peserta yang menunggang motosikal berkuasa tinggi 500cc ke atas telah menyertai konvoi tersebut, termasuk 30 orang peserta yang mewakili Polis Diraja Malaysia. Konvoi telah mengelilingi kesemua negeri di Semenanjung Malaysia dengan jarak keseluruhan laluan sejauh 2,175 kilometer.

Konvoi, bermula dari MINDEF, Jalan Padang Tembak, telah dilepaskan secara rasmi oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Johor Darul Takzim di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 16 September 2011 dan penamatnya pada petang ini di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.

Majlis Makan Malam Penutup 'Kembara Motosikal 1 Malaysia' ini telah

dihadiri oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan selaku Pengerusi Eksekutif Superbikers Association of Malaysia (SAM) bersama Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zain, Panglima Angkatan Tentera.

Turut hadir, Dato' Haji Abdul Halim Sulaiman, Presiden SAM, CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA, CP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik PDRM, Leftenan Jeneral Dato' Roslan Saad, Timbalan Panglima Tentera Udara, Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Razif Idris, Timbalan Presiden 2 SAM dan SAC Zulkifli Mohamed, Komandan Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur.



Pengarah KDNKA Ke Pangkalan Unit Udara Sungai Besi

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor



Sungai Besi, 23 Ogos 2011 - CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) telah membuat lawatan rasmi ke Pangkalan Unit Udara PDRM setelah memegang tampuk pimpinan Jabatan KDNKA.

Majlis dimulakan dengan ucapan serta penyampaian amanat Pengarah KDNKA dan seterusnya penyampaian surat-surat



penghargaan kepada Pegawai Kanan, Anggota serta Kakitangan Awam di Dewan Serbaguna, UUP.

Penerima surat-surat penghargaan terdiri daripada Pegawai dan Anggota Pangkalan Semenanjung UUP (Pentadbiran, Jurutera, Mekanik), Pangkalan Latihan UUP, Ipoh, dan Pangkalan UUP Sabah dan Sarawak.

Turut hadir SAC Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim, Komander PGK.





Tan Sri Haji Ismail tunai umrah bulan Ramadan

Oleh : SM Megat Nizar

Sepang, 30 Ogos 2011 - Inspektor General Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, bersama isteri, Puan Sri Hajah Suriati Haji Md. Sobri, menjadi tetamu Allah S.W.T. apabila berkesempatan mengerjakan ibadah umrah pada bulan Ramadan yang mulia itu.

"Peluang yang diberikan oleh Allah S.W.T, menjalankan ibadat puasa serta menunaikan umrah di Mekah dalam bulan yang mulia itu, memberikan satu kelainan yang tidak pernah dilalui selama ini".

"Apa yang membuatkan saya teruja sepanjang berada di Mekah adalah sikap dan budaya masyarakat terutamanya pegawai dan anggota polis di sana yang sentiasa suka membantu".

"Jadi sepanjang saya dan isteri mengerjakan ibadat amat mudah dan tiada halangan langsung. Saya amat bersyukur kehadiran Allah S.W.T dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, terutamanya kepada kedutaan Malaysia dan pihak polis di sana serta Tabung Haji Malaysia".

"Alhamdulillah, saya dan isteri tidak menghadapi sebarang masalah untuk berpuasa dan mengerjakan umrah kerana ibadah yang dituntut itu banyak kelebihan serta hikmahnya, sama ada dari segi mental dan fizikal".

Demikian kata Tan Sri Haji Ismail melahirkan rasa syukurnya apabila dipermudahkan dalam setiap urusan semasa mengerjakan puasa dan umrah, ketika berucap di majlis ringkas menyambut kepulangannya di Bilik VIP, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tan Sri Haji Ismail dan Puan Sri Hajah Suriati, berlepas ke Mekah pada 18 Ogos 2011 dan selamat kembali ke tanahair



pada 30 Ogos 2011, iaitu hari pertama rakyat Malaysia menyambut Hari Raya Aidilfitri 1432.

Di antara yang hadir ialah Deputy Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA, DCP Dato' Haji Ghazali Haji Md. Amin, Setiausaha Polis Diraja Malaysia (SUPM), DCP Dato' Mohamad Salleh, Ketua Polis Kuala Lumpur, DCP Dato' Haji Tun Hisan Dato' Haji Tun Hamzah, Ketua Polis Selangor, SAC Dato' A.Thaiveegan, Timbalan Ketua Polis Selangor dan ACP Haji Mohd Fuad Abd Latif, Timbalan Ketua Trafik Pasukan.

PENYERAHAN SUMBANGAN BUNGKUSAN

Hari Raya

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan



Bukit Aman, 16 Ogos 2011 - Majlis penyerahan sumbangan bungkus Hari Raya telah diadakan di Mess Pegawai Kanan Bukit Aman.

Majlis disempurnakan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara yang turut ditemani isteri, Puan Sri Hajah Suriati Haji Md. Sobri, juga merupakan Pengerusi PERKEP Malaysia.

Majlis ini adalah sebagai mengenang jasa dan pengorbanan terhadap mereka yang bertugas pada Hari Raya.

Turut hadir Deputi Inspektor Jeneral Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara bersama Datin Sri Imran Ibrahim, Naib Pengerusi PERKEP Malaysia, CP Dato' Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan KDNKA merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis Penyerahan Sumbangan Bungkus Hari Raya PDRM bersama isteri Datin Puziah Bahari, Pengerusi PERKEP Jabatan KDNKA.



MAJLIS PERASMIAN

RUMAH PERKEP JABATAN PENGURUSAN

Oleh: L/Kpl. Fansus Jangor

Bukit Aman, 17 Ogos 2011 - Majlis Perasmian Rumah PERKEP Jabatan Pengurusan telah berlangsung di perkarangan kawasan masjid Bukit Aman.

Upacara Perasmian ini dirasmikan oleh CP Dato' Robiah Abd Ghani, Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM merangkap Pengerusi PERKEP Jabatan Pengurusan.

Antara yang hadir SAC Dato' Zaleha Abd. Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan, SAC Dato' Nizar Mohd Ali, Ketua Pengarah Pengurusan (Perkhidmatan), SAC Dato' Aishah Mohammad, Penolong Pengarah Perkhidmatan (Rekod Personel).





PPRPD Gotong-Royong Bina Titi

Oleh : SM Megat Nizar

Bagan Datoh, 24 Julai 2011 - “Semua peringkat kepimpinan persatuan pasukan polis diminta melaksanakan program ‘Turun Padang’ bagi memastikan setiap ahli mendapat faedah dan pembelaan sewajarnya sebagai seorang ahli persatuan”.

Demikian kata Sub-Insp. Norraji Rojo, Pengerusi PPRPD Kontinjen Perak, ketika ditemui di Majlis Gotong Royong Membina Titi di rumah Allahyarham Konst/P. Mohamad Siman, yang telah meninggal dunia akibat virus Andenovirus ketika menjalani Latihan Asas Kepolisan di Pusat Latihan Polis, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Sub-Insp. Norraji mengulangi kata-kata Deputy Inspektor Jeneral Dato’ Sri Khalid Abu Bakar, Timbalan Ketua Polis Negara, semasa barisan Exco PPRPD Malaysia mengadakan Kunjungan Hormat ke atas Timbalan Ketua Polis Negara pada 18 Julai 2011 lalu.

“Setiap program yang dianjurkan bertujuan memastikan kebajikan setiap ahli terpelihara dan tiada yang terpinggir daripada arus pembangunan walau pun telah meninggal dunia”.

“Program gotong-royong sedemikian perlu dijadikan satu pendekatan untuk memastikan semua peringkat kepimpinan PPRPD turun padang memberikan bantuan yang diperlukan supaya tiada isi keluarga tersentuh hati dengan pemberian pasukan”.

Kata Sub-Insp. Norraji setelah selesai membina titi baru di rumah Allahyarham Mohamad Siman, di Kg. Sungai Tiang, Selekoh, Rungkup, Bagan Datoh, Perak, yang turut disertai oleh penduduk kampung itu.

Turut hadir Supt. Mohd Zaki Harun, Timbalan Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Perak dan Haji Mohd Yunos Abd. Rahim, Ketua Kampung Sungai Tiang, Rungkup, Bagan Datoh, Perak.

“Melalui program gotong-royong ini tidak memerlukan perbelanjaan yang besar namun apa yang penting adalah keprihatinan semua pihak untuk menjaga golongan yang memerlukan bantuan”, ujar Sub-Insp. Norraji.

Menurut Sub-Insp. Norraji lagi, “sikap bergotong-royong dan keprihatinan ahli amat dipuji, golongan susah tidak kita lupakan dan semua kita bantu tanpa mengira latar belakang kaum atau agama. Ia secara tidak langsung memenuhi tanggungjawab kami selaku exco PPRPD menjadi pemangkin kepada mencapai visi dan misi pasukan. Ini akan memberikan inspirasi kepada generasi muda untuk memillih kerjaya kepolisan”.

Bagi Siman Sappar, dia merasakan seperti mimpi yang menjadi nyata apabila dapat melihat sendiri titi yang diidamkan oleh arwah telah dibina oleh penduduk kampung dan warga polis.

“Saya begitu teruja dan gembira apabila hajat arwah untuk membina sebuah titi baru telah menjadi kenyataan dan merupakan kenangan paling manis apabila dapat membina dan mengguna titi itu bersama ahli keluarga”.

“Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pucuk pimpinan PDRM dan para penduduk kampung yang prihatin serta bersama-sama bergotong-royong membina titi untuk kemudahan saya sekeluarga”.

Demikian kata Siman Sappar yang jelas terharu dengan sumbangan yang dihulurkan oleh pasukan polis terutama PPRPD Malaysia, walaupun anaknya Allahyarham Mohamad hanya sebulan menyertai pasukan polis.



Selamat Kembali Ke Tanah Air - MALFPU Briged Sabah

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Sepang, 14 Mei 2011 - Seramai 9 pegawai PDRM, 21 anggota PDRM serta 4 orang pegawai/pembantu perubatan ATM telah selamat mendarat di Kuala Lumpur International Airport KLIA, Sepang. Hadir menyambut kepulangan perwiraperwira MALFPU (Malaysian Formed Police Unit) Briged Sabah adalah SAC Dato' Asri Yusoff, Timbalan Pengarah Pengurusan (Perkhidmatan/Perjawatan), Kolonel Dr. Mohd Rawi Mohd Nordin, Pengarah Perubatan Medan Angkatan Tentera Malaysia dan Supt. Che Zakaria Othman, Ketua Pegawai Turus Istiadat.

Di samping itu, Misi UNMIT (United Nation Integrated Mission in Timor-Leste), yang diketuai oleh ASP Micheal a/k Alangaram, Ketua Pegawai UNPOL (United Nations Police) telah bertugas selama satu tahun bermula 1 Mei 2010 hingga 14 Mei 2011. Objektif utama UNMIT adalah membantu Timor Leste berada dalam keadaan stabil di samping memastikan rakyatnya sentiasa berada dalam suasana yang aman dan selamat. Dalam tempoh itu, mereka telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang di samping menjaga nama baik Polis Diraja Malaysia khususnya serta negara Malaysia amnya.



Jalinan Kerjasama Berterusan PDRM dan POLRI

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Kuala Lumpur, 22 Sept 2011 - Majlis Makan Malam Penutup Mesyuarat Ke-38 Tim Perancang Latihan Kepolisan (TPLK) PDRM Dan Kepolisan Negara Republik Indonesia (POLRI) telah berlangsung di Hotel Legend, Kuala Lumpur.

Objektif mesyuarat ini adalah untuk mengkoordinasikan program-program latihan antara kedua-dua negara, antaranya ialah Program Pertukaran Personel, Latihan Bersama Aman Malindo dan penawaran kursus-kursus di bidang akademik mahupun fizikal kepada kedua-dua pihak dalam rangka meningkatkan pengetahuan serta bertukar-tukar pengalaman dalam menangani krisis ataupun jenayah selain merapatkan hubungan baik antara kedua-dua jabatan kepolisan ini.

Penutupan majlis menyaksikan upacara pertukaran dokumen di antara PDRM dan POLRI, seterusnya penyerahan cenderahati daripada kedua-dua pihak.

Antara yang hadir pada majlis tersebut DCP Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim, Timbalan Pengarah Jabatan KDNKA (PGA/Pengurusan Sempadan/Kawalan LTAB) yang juga merupakan Pengerusi Tim Perancang Organisasi Kepolisan (TPOK) Malaysia dan Brigedier Jeneral Polisi DRS, Widyo Sunaryo, Kepala Biro Misi Internasional, Divisyen Hubungan Internasional Markas Besar Polisi Indonesia, Jakarta.



Pemakaian Uniform Kerja serta bersongkok (Istiadat) semasa Solat Jumaat di Masjid Bukit Aman

Oleh : SM Megat Nizar

Bukit Aman, 13 Oktober 2011 – Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, telah mengarahkan semua pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), memakai Uniform Kerja serta bersongkok (Istiadat), semasa menunaikan Solat Jumaat di Masjid Bukit Aman.

“Salah satu inisiatif yang telah saya ambil, ialah bersolat Jumaat dengan memakai uniform kerja yang lengkap dengan bersongkok Istiadat. Langkah tersebut diambil dengan harapan semasa bersolat dengan berpakaian sedemikian mampu untuk menambahkan keterampilan Polis yang segar, kemas dan berwibawa kerana ramai juga orang awam yang bersolat di Masjid Bukit Aman”. Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara.

Semoga arahan tersebut dipatuhi, bukan sahaja di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, namun semua peringkat Kontinjen dan Formasi PDRM seluruh negara hendaklah turut mematuhi arahan murni itu.



Sketsa Polis



Oleh : Nizam



58 Warga PDRM Galas Cabaran Ke New York

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Bukit Aman, 19 Ogos - Seramai 58 orang atlet PDRM yang terdiri daripada kalangan pegawai, jurulatih dan atlet membawa cabaran PDRM ke kejohanan World Police And Fire Games (WPFAG) di New York, Amerika Syarikat pada 26 Ogos hingga 5 September 2011.

Upacara simbolik penyerahan bendera Sang Saka Biru kepada SAC Dato' Jalaluddin Abdul Rahman, Ketua Polis Kelantan merangkap Chef-de-Mission Kontinjen PDRM ke WPFAG telah disempurnakan oleh DCP Dato' Abd Rahim Haji Hanafi, Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan) PDRM.

WPFAG merupakan satu temasya sukan dwi-tahunan dan sejarahnya bermula pada tahun 1985 di San Joe, California, Amerika Syarikat dan tahun 1995 menyaksikan penglibatan pertama PDRM di Melbourne, Australia dan sejak itu PDRM sentiasa mengambil bahagian dalam kejohanan ini, kali terakhirnya pada tahun 2007 di Adelaide, Australia.

Dalam penyertaan pada tahun 2007, Kontinjen PDRM telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana dengan hanya jumlah peserta seramai 97 orang yang menyertai 10 acara sukan, PDRM berjaya memungut sebanyak 30 pingat emas, 20 pingat perak dan 16 pingat gangsa, menjadikan jumlah pungutan keseluruhan sebanyak 66 pingat.

Turut hadir, DCP Dato' Sharifuddin Ab Ghani, Ketua Polis Pahang dan SAC Dato' Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran).





VISI

**AGENSI PENERAJU
DALAM MENJADIKAN MALAYSIA
NEGARA SELAMAT,
AMAN DAN SEJAHTERA**

*The Leading Agency In Making
The Nation Safe, Peaceful And Prosperous*

MISI

**MEMBERI PERKHIDMATAN
PROFESIONAL DAN BERKUALITI
DALAM MELINDUNGI NEGARA DAN
MENJAMIN PERSEKITARAN YANG
SELAMAT BAGI MASYARAKAT**

*To Provide Professional And Quality Services
In Protecting The Country And Ensuring Safe
Surrounding For The People*

